

# UPM laksana kaedah baru nilai pemahaman pelajar

## Pencapaian siswa diukur menerusi enam peringkat penguasaan

Oleh Syuhada Choo Abdullah

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama melaksanakan penilaian hasil pembelajaran bagi menentukan pelajar mencapai sasaran penguasaan ilmu dan kemahiran dalam pengajian.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata penilaian itu mengukur tahap penguasaan pelajar dalam empat elemen utama daripada proses pembelajaran bidang pengajian masing-masing.

Katanya, elemen berkenaan ialah kognitif, psikomotor, afektif dan kemahiran insaniah yang diukur berdasarkan enam peringkat penguasaan, iaitu pertama ilmu pengetahuan, pemahaman (kedua), aplikasi (ketiga), analisis (keempat), sintesis (kelima) dan penilaian (keenam).

Beliau berkata, inisiatif itu penting untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program pengajian dalam menjana graduan yang memenuhi



**PERBINCANGAN SERIUS:** Nik Mustapha (kanan) berbincang dengan sebahagian daripada 52 dekan dan timbalan dekan fakulti pengajian UPM yang menyertai Bengkel Strategi Pengajaran di Universiti Penyelidikan di Putrajaya, semalam.

matlamat kecemerlangan holistik.

“Penilaian ini diperkenalkan mulai tahun lalu dan dijalankan terhadap keseluruhan pelajar peringkat ijazah pertama dalam semua program pengajian pada akhir setiap semester.

“Pelaksanaannya akan diperluas kepada pelajar peringkat pascasiswazah pada masa depan. Berdasarkan hasil penilaian ini, penambahbaikan

akan dibuat terhadap sebarang kelemahan dikenal pasti, termasuk aspek kurikulum program pengajian.

“Setakat ini, hasil penilaian pada semester pertama dan kedua sesi pengajian 2006/2007 sudah siap dan kini pada peringkat pemantauan. Secara purata, tahap penguasaan pelajar adalah memuaskan, iaitu pada peringkat keempat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada

*Berita Harian* selepas merasmikan Bengkel Strategi Pengajaran di Universiti Penyelidikan di Putrajaya, semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff. Bengkel dua hari itu dianjurkan Pusat Pembangunan Akademik, Majlis Jemaah Dekan dan Pejabat Pendaftar UPM.

### FAKTA NOMBOR

#### Penilaian Hasil Pembelajaran UPM

6

Peringkat penguasaan

4

Elemen utama diukur